

Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008
Universiti Teknologi Malaysia, 22-23 Oktober 2008

Kemahiran Interpersonal Di Kalangan Pelajar Diploma Kejuruteraan Di Politeknik

Anizam binti Mohamed Yusof^a, Ahmad bin Esa^b, Anisah binti Ahmad^c

^{a,b,c}Fakulti Pendidikan Teknikal
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
Tel : 07-4538248 Faks : 07-4541050
aniza@uthm.edu.my, ahmad@uthm.edu.my

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti tahap penguasaan kemahiran interpersonal di kalangan pelajar diploma kejuruteraan di empat buah politeknik berdasarkan kaedah penerapan melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Tinjauan ini melibatkan 326 orang pelajar kursus Diploma Kejuruteraan semester akhir di Politeknik Kulim, Politeknik Seberang Prai, Politeknik Shah Alam dan Politeknik Merlimau yang mengikuti kursus Diploma Kejuruteraan Elektrik, Diploma Kejuruteraan Mekanikal dan Diploma Kejuruteraan Awam. Tiga indikator kemahiran interpersonal yang dikaji adalah kerja berpasukan, kemahiran memimpin dan kemahiran dalam membina rangkaian perhubungan. Metodologi yang digunakan adalah soal selidik dengan skala likert sebagai instrumen. Perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 11.5 telah digunakan untuk menganalisa data-data tersebut. Hasil kajian menunjukkan penerapan kemahiran interpersonal secara keseluruhan dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah pada tahap tinggi dengan skor min 4.21. Skor min keseluruhan bagi tahap penguasaan kemahiran interpersonal di kalangan pelajar juga berada di tahap yang tinggi iaitu 4.20. Kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap penguasaan kemahiran interpersonal pelajar di keempat-empat buah politeknik yang terlibat.

Kata kunci : kemahiran interpersonal, proses pengajaran dan pembelajaran (P&P)

1. Pengenalan

Isu sumber manusia kini lebih mendapat perhatian daripada isu kemajuan material. Sumber manusia adalah aset yang bernilai dalam sesebuah negara. Sumber manusia yang lengkap dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran adalah penting kerana mereka akan menjadi teras kepada usaha untuk memajukan negara. Segala kebolehan yang ada dalam diri akan membantu mereka mengolah pelbagai sumber yang ada untuk dimanfaatkan ke arah pembangunan dan kemajuan negara.

Kini permintaan terhadap tenaga kerja telah berubah di mana bilangan terbesar permintaan adalah untuk pekerja berpengetahuan (*K-worker*). Syarat-syarat untuk mendapatkan sesuatu pekerjaan bertambah sukar dan kompleks. Pihak industri bukan sahaja melihat kepada kelulusan akademik semata-mata. Ini bermakna, memiliki ijazah atau diploma sahaja belum mencukupi sekiranya mereka tidak mempunyai kemahiran tambahan yang lain seperti kemahiran komunikasi, kemahiran mengurus, dan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (Fong Chan Onn, 2003). Kepesatan perkembangan dalam industri hari ini menyebabkan kemahiran-kemahiran ini telah mendapat tempat dalam permintaan kepada sumber manusia. Maka,

mereka yang mempunyai kemahiran dan keupayaan yang dikehendaki kini berpeluang besar dalam persaingan dunia pekerjaan.

Selain daripada menyediakan pelajar ke arah pekerja yang dilengkapi dengan ilmu dan kemahiran, diharapkan juga melalui sistem pendidikan pelajar dapat menjadi individu yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Perkara ini ialah antara penekanan yang diberikan dalam Falsafah Pendidikan Negara.

Untuk itu, dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian, penyediaan sumber manusia yang mempunyai kompetensi dari segi penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran amat penting. Bidang pendidikan teknik dan vokasional dilihat sebagai bidang yang amat penting dalam mengeluarkan tenaga kerja yang mahir dan berpengetahuan terutamanya yang berkaitan dengan kemahiran teknikal.

Sebuah ekonomi yang berasaskan pengetahuan, kreativiti dan inovasi memainkan peranan yang penting dalam ekonomi berasaskan pengetahuan dalam menjana dan mengekalkan pertumbuhan. Pengetahuan kini menjadi faktor utama dalam menjana pertumbuhan ekonomi dengan mewujudkan nilai tambah serta meningkatkan produktiviti dan daya saing. Sumber manusia merupakan teras ekonomi berasaskan

pengetahuan dengan keupayaan untuk mencipta, memperbaharui dan mengkomersilkan pengetahuan maklumat.

Kerajaan akan menumpukan perhatian kepada pembangunan sumber manusia melalui pendidikan dan latihan supaya rakyat Malaysia berupaya untuk menghadapi cabaran-cabaran k-ekonomi. Demi mencapai matlamat tersebut, kerajaan sedang dan akan mengambil langkah-langkah bagi membangunkan sains dan teknologi serta penyelidikan dan pembangunan (Hashim, 2000). Perubahan teknologi terutamanya perkembangan pesat dalam bidang teknologi komunikasi dan maklumat telah mengubah cara kita bekerja dan berkomunikasi. Permintaan terhadap tenaga kerja turut berubah di mana bilangan terbesar permintaan adalah untuk *knowledge-workers* atau *k-worker*.

Dalam ucapan Ir. Rocky Wong Hong Thang, pengarah pengurusan JS Mahir Sdn Bhd (1999) bertajuk *Beginning of an Engineering Profession*, menekankan bahawa salah satu kriteria yang diperlukan oleh jurutera zaman milenium ini adalah kemampuan untuk membangun dan menguasai kemahiran interpersonal serta kebolehan mengutarakan pendapat. Beliau juga menegaskan jurutera perlu melengkapkan diri mereka dengan kreativiti, pemikiran inovatif dan ketelusan agar dapat memainkan peranan yang lebih kreatif.

Sehubungan daripada itu, pendidikan dikenalpasti sebagai medium terbaik untuk mengisi kekurangan pelajar terhadap kemahiran-kemahiran yang menjadi isu kritikal kini. Pendidikan teknik dan vokasional umumnya berfungsi untuk mendidik seterusnya melahirkan sumber tenaga kerja yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan asas untuk sektor industri. Menurut Sulaiman et. al. (1994), untuk melahirkan tenaga kerja yang berkualiti, pendidikan teknik dan vokasional menggariskan empat matlamat iaitu :

- a) Menyediakan guna tenaga yang lengkap dengan kemahiran dan pengetahuan asas untuk sektor industri dan perdagangan.
- b) Menyediakan kurikulum yang boleh diubahsuai dan berdasar luas agar dapat memenuhi bukan sahaja pihak industri sekarang tetapi juga keperluan akan datang.
- c) Mengadakan pendidikan asas sains, matematik dan bahasa untuk membolehkan pelajar menyesuaikan diri dengan cara belajar dan mencapai tahap kecekapan yang tinggi dalam pembelajaran kelak.
- d) Mengadakan asas kemahiran dan pengetahuan untuk membina pendidikan dalam latihan selanjutnya.

Berdasarkan kepada matlamat yang telah digariskan, jelas bahawa pendidikan teknik dan vokasional turut menitikberatkan kemahiran dan pengetahuan asas selain daripada akademik untuk memenuhi keperluan industri semasa. Menurut Yahya (1993), kepincangan di dalam sistem latihan

ataupun pendidikan teknik dan vokasional akan mengakibatkan kurangnya tenaga mahir yang seterusnya akan menyebabkan pertumbuhan industri menjadi lembab dan pengeluaran nasional menjadi rendah. Oleh itu, penekanan terhadap penyediaan kurikulum yang seimbang dan mengikut kehendak semasa adalah perlu dalam melahirkan tenaga kerja yang berkualiti. Maksud seimbang bukan sahaja seimbang antara teori dan praktikal, tetapi juga turut menekankan aspek kemahiran dalam pekerjaan, teknikal dan sosial (Loose, 2001).

Dalam proses penyampaian kurikulum yang telah dirancang, pengajaran dan pembelajaran yang berkesan perlu dilaksanakan. Di sini pengajar memainkan peranan penting di mana kepelbagaian kaedah pengajaran akan menarik minat pelajar (Ee Ah Meng, 1990). Seterusnya graduan yang dilengkapi ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dapat dilahirkan.

Terlalu banyak yang telah diperkatakan tentang kekurangan graduan, terutama graduan dari universiti tempatan. Salah satu kekurangan tersebut ialah kemahiran interpersonal. Bosshamer (1996) memberikan maklum balas dari pihak majikan yang menyatakan bahawa graduan lepasan dari kolej dan universiti dari pelbagai jurusan seperti ekonomi, pertanian, pendidikan, sains sosial, kejuruteraan, kesenian dan kemanusiaan ataupun pengurusan yang diambil bekerja, mempunyai pengetahuan dan persiapan teknikal yang cukup tetapi kekurangan dari segi kemahiran interpersonal. Menurutnya lagi, kekurangan interpersonal ini seringkali menghalang seseorang itu dari mencapai kejayaan di tempat kerja.

Ini selari dengan kenyataan The SCANS (1991) yang telah mengenalpasti kompetensi dan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya dalam dunia pekerjaan iaitu kemahiran menggunakan bahan sumber, informasi, kemahiran interpersonal, sistem dan teknologi secara produktif. The SCANS (1991) dalam laporannya juga menyebut bahawa proses pembelajaran, pembangunan, pengembangan dan proses meningkatkan kemahiran interpersonal dan kompetensi adalah perlu untuk mencapai kejayaan di masa hadapan.

Di Malaysia, kepentingan kemahiran interpersonal telah disedari oleh pihak institusi pengajian tinggi. Oleh yang demikian, satu program untuk meningkatkan kemahiran insaniah termasuklah kemahiran interpersonal di kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi telah digubal (Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, 2006). Ini disusuli dengan langkah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia melancarkan Modul Kemahiran Insaniah Latihan Industri Politeknik untuk mempertingkatkan mutu graduan yang dihasilkan oleh pihak politeknik (Berita Harian, 2006). Justeru itu, penerapan kemahiran interpersonal yang berkesan adalah penting dalam melahirkan graduan yang berkemampuan. Kaedah penerapan ini akan dilihat dari aspek kurikulum dan kaedah pengajaran dan pembelajaran.

2. Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah :

- a) Mengukur tahap penerapan kemahiran interpersonal di kalangan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran di politeknik.
- b) Mengenalpasti tahap penguasaan kemahiran interpersonal di kalangan pelajar politeknik.

3. Metodologi Kajian

Kajian yang telah dijalankan adalah berbentuk kuantitatif. Menurut, Mohd Majid Konting (1994) kaedah kuantitatif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan fenomena yang sedang berlaku.

Kaedah pensampelan rawak secara berkelompok dipilih dalam proses pengumpulan data. Sampel kajian adalah seramai 326 orang daripada empat buah politeknik iaitu Politeknik Seberang Prai, Politeknik Kulim, Politeknik Shah Alam dan Politeknik Merlimau. Pemilihan tempat adalah berdasarkan kepada kedudukan politeknik tersebut di tiga peringkat zon iaitu zon utara, zon tengah dan zon selatan.

Borang soal selidik dibina berpandukan rujukan daripada Janasz et. al. (2002) dan Barker (2002). Ianya terbahagi kepada tiga bahagian iaitu data demografi, tinjauan pelaksanaan kurikulum dan tinjauan kemahiran interpersonal.

4. Dapatan Kajian

Bilangan responden ialah seramai 326 orang yang terdiri daripada pelajar diploma aliran kejuruteraan dari empat buah politeknik di Malaysia.

Jadual 1 : Maklumat Responden (Politeknik)

Politeknik	Bilangan
Politeknik Kulim	101
Politeknik Seberang Prai	85
Politeknik Merlimau	83
Politeknik Shah Alam	57

Analisis deskriptif telah dijalankan untuk mendapatkan skor min bagi setiap item kemahiran interpersonal yang terdiri daripada kemahiran bekerja dalam kumpulan, kemahiran memimpin dan kemahiran dalam membina rangkaian perhubungan. Melalui analisis ini, didapati skor min kemahiran interpersonal yang telah diterapkan semasa proses pengajaran dan pembelajaran secara

keseluruhannya adalah 4.21 iaitu berada dalam tahap tinggi.

Jadual 2 : Tahap Penerapan Kemahiran Interpersonal Semasa Proses Pengajaran dan Pembelajaran

Indikator	Skor Min
Penerapan kemahiran interpersonal (keseluruhan) dalam proses P&P	4.21
Penerapan dalam P&P (Kerjasama Berpasukan)	4.19
Penerapan dalam P&P (Rangkaian)	4.23
Penerapan dalam P&P (Kepimpinan)	4.23

Manakala, tahap penguasaan kemahiran interpersonal menunjukkan semua responden mempunyai tahap penguasaan yang tinggi. Purata skor min keseluruhan tahap penguasaan kemahiran interpersonal ialah 4.20 iaitu tahap tinggi.

Jadual 3 : Tahap Penguasaan Kemahiran Interpersonal

Item	Skor Min Keseluruhan
Kerjasama Berpasukan	4.20
Membina Rangkaian	4.20
Kepimpinan	4.21

5. Kesimpulan

Pada keseluruhannya, tahap penerapan kemahiran interpersonal dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah tinggi. Ukuran tahap ini merangkumi tiga indikator iaitu kemahiran bekerja dalam satu pasukan, kemahiran membina rangkaian dan kemahiran memimpin.

Hasil dapatan bagi mengenalpasti tahap penguasaan kemahiran interpersonal, dapat dirumuskan dengan menyatakan bahawa tahap penguasaan kemahiran interpersonal di kalangan pelajar berada di tahap yang baik. Dalam menguasai kemahiran interpersonal ini, ketiga-tiga elemen iaitu kemahiran bekerja dalam pasukan, kemahiran membina rangkaian perhubungan dan kemahiran memimpin haruslah dikuasai terlebih dahulu. Ini disebabkan oleh ketiga-tiga elemen ini merupakan indikator penting dalam menentukan penguasaan seseorang dalam kemahiran interpersonal.

Secara keseluruhan, kemahiran interpersonal merupakan kemahiran umum yang perlu dikuasai oleh seseorang pelajar. Dalam menempuh era globalisasi, memiliki kemahiran interpersonal menjadi satu kelebihan dan aset penting dalam usaha menjadi seorang pekerja yang berketrampilan, dipandang tinggi dan dipercayai dalam menjalankan tanggungjawab. Dalam merealisasikan hasrat ini, pelajar politeknik dan Kementerian Pengajian Tinggi haruslah berganding

bahu untuk terus berusaha meningkatkan kemahiran ini. Perubahan secara menyeluruh mengikut kesesuaian peredaran masa daripada semua pihak adalah sangat diperlukan untuk memantapkan kualiti pendidikan negara seterusnya melahirkan graduan yang kompeten dan berterampilan.

RUJUKAN

1. _____ (2006). "Politeknik wajib kemahiran insaniah lahir graduan cemerlang". <http://www.bharian.com.my/m/Bharian/> dicapai pada 24 September 2006.
2. Barker, S.A (2002). "Utilizing cross-cultural curricula to improve interpersonal job skills training". *Journal of European Industrial Training*, Volume 26 Number 1 2002 pp. 38-52.
3. Bosshamer, B.K. (1996). "An assessment of employers and faculty of the College of Agriculture Sciences and Natural Resources : Adequacy of student preparation and future curriculum needs". University of Nebraska-Lincoln, Lincoln, NE.
4. Ee Ah Meng (1990). "Pedagogi satu pendekatan bersepadu". Selangor : Fajar Bakti Sdn Bhd.
5. Fong Chan Onn (2003). "Majlis Perasmian Pelancaran Skim Latihan Graduan II". 19 Ogos 2003. Diperoleh pada 15 Januari 2004.
6. Hashim Fauzi Yaacob (2000). "Pembangunan sumber manusia di Malaysia : cabaran abad ke-21". Johor : Universiti Teknologi Malaysia.
7. Ir. Rocky Wong Hong Thang (1999). "Beginning of an Engineering Profession". <http://fet.mmu.edu.my/v4/career/cie.htm>. dicapai pada 2 Januari 2004.
8. Janasz, S.C, Dowd, K.O dan Schneider, B.Z (2002). "Interpersonal skills in organizations". New York. McGraw-Hill Companies, Inc.
9. Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, (2006). "Modul pembangunan insaniah untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia". Universiti Putra Malaysia.
10. Loose, G (2001). "The interface between institutional training and the private sector : dual by forming partnership to train K-worker for Malaysia's economy". International Conference On Technology and Vocational Technical Education. 2001.
11. Mohd Majid Konting (1994). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan". Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
12. Sulaiman Ngah Razali, Suradin Salim, Zawawi Hj Ahmad dan Lee Voon Mun (1994). "Mempertingkatkan Mutu Pendidikan Vokasional di Malaysia". Laporan penyelidikan. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
13. Secretary's Commission on Achieving Necessary Skills (SCANS) (1991). What work requires of schools. http://www.coe.uga.edu/dev/workethic/jver_art.pdf dicapai 31 Ogos 2002.
14. Yahya Emat (1993). "Cabaran dan Strategi Pendidikan Teknik dan Vokasional ke arah mencapai wawasan 2020". *Jurnal Pendidikan Jilid 37 (Jun) : 1-9*.